

AIRASIA komited untuk mengurangkan pelepasan karbon dalam sektor penerbangan melalui pemasangan DPO pada semua pesawatnya. - GAMBAR HIASAN



# AirAsia kurangkan pelepasan karbon

**PETALING JAYA:** AirAsia bakal melaksanakan inisiatif yang inovatif melalui pemasangan perisian *Descent Profile Optimiser (DPO)* pada pesawat A320ceo bermula pada Jun sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, Ahad ini.

Syarikat penerbangan tambang rendah itu berkata, inisiatif berkenaan bukan sahaja akan membantu menjana penjimatan bahan api malah mengurangkan pelepasan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) dengan ketara.

Katanya, penambahbaikan kepada pangkalan data Sistem Pengurusan Penerbangan (FMS) dalam rangkaian pesawat itu membolehkan setiap

pesawat mengoptimumkan fasa penurunan penerbangan dan meminimumkan jumlah masa ketidakcekapan pesawat tersebut.

“Inisiatif baharu itu dijangka mengurangkan penggunaan bahan api dan meningkatkan kecekapan bahan api sehingga 0.75 peratus daripada pembakaran bahan api sedia ada bersamaan dengan penjimatan 101 kg pelepasan CO<sub>2</sub> untuk setiap penerbangan.

“Ia akan mengurangkan pelepasan CO<sub>2</sub> sebanyak lebih 221 tan bagi setiap pesawat pada setiap tahun, menjadikan Operasi Penerbangan lebih lestari dengan lebih ketara.

“Setelah dipasang pada 17 pesawat pada peringkat awal, ia akan mengurangkan sebanyak 3,764 tan CO<sub>2</sub> pada setiap tahun atau bersamaan dengan 62,700 pokok yang ditanam di kawasan bandar berdasarkan Pengiraan Kesetaraan Gas Rumah Hijau EPA AS,” katanya dalam kenyataan.

Mengulas inisiatif itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia Aviation Group Limited (AAAGL), Bo Lingam berkata, industri pelancongan kini telah mula pulih dan syarikat menjangka untuk kembali ke tahap pra pandemik menjelang akhir tahun ini.

Justeru katanya, penting un-

tuk syarikat menyemak semula strategi kelestariannya dan melaksanakan inisiatif serta proses baharu yang akan membantu meminimumkan kesan terhadap alam sekitar melalui operasi penerbangan.

“Melalui pemasangan perisian penyelesaian pengoptimuman operasi penerbangan baharu ini pada pesawat A320ceo sedia ada, ia membolehkan kami untuk mengurangkan jejak karbon untuk jangka masa pendek dan sederhana sementara kami meningkatkan penggunaan pesawat A321neo yang akan menjimatkan bahan api untuk jangka masa panjang,” katanya.